

30 JUL 1997

BOTSWANA TAWAR INSENTIF UNTUK SEKTOR PEMBUATAN

LANGKAWI, 30 Julai (Bernama) -- Botswana, yang mengakui kekuatan Malaysia dalam pembuatan elektronik dan semikonduktor, menawarkan pakej pelaburan khas kepada pelabur untuk menubuhkan operasi yang serupa di negara itu.

Presiden Botswana, Sir Ketumile Masire, berkata selain itu bidang lain yang mempunyai potensi pelaburan ialah pelancongan, industri berasaskan pertanian dan kegiatan pembuatan industri ringan.

"Struktur cukai kami yang rendah dan kos yang murah untuk menjalankan perniagaan juga merupakan sesuatu yang pelabur asing termasuk dari Malaysia harus pertimbangkan," katanya kepada pemberita di Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) di sini. Dialog itu berakhir hari ini.

Beliau berharap syarikat pengeluaran dari Malaysia akan membantu dalam pemindahan teknologi ke Botswana.

Sir Ketumile berkata bahawa Botswana juga menawarkan insentif cukai untuk penubuhan industri berintensifkan buruh sambil menambah bahawa para pelabur boleh menggunakan negaranya sebagai pangkalan untuk menembusi pasaran selatan Afrika.

Menurut beliau pada masa ini beberapa pelabur Malaysia sedang berunding atau memulakan beberapa projek termasuk pembinaan hotel.

Mengenai pelancongan, beliau berkata sektor itu mempunyai masa depan yang cerah dan boleh dimajukan dengan bantuan syarikat Malaysia yang telah menembusi pasaran lain dengan jayanya.

Semalam, Sir Ketumile mengadakan rundingan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan kedua-dua pemimpin menyatakan bahawa hubungan komersil dua hala perlu dipertingkatkan. -- BERNAMA

MR SIA